



DARI kiri, Danial, Mohd Ramdzan dan Rosli bersama Tun Abdul Rahman selepas menerima pingat masing-masing, semalam.

Oleh Zulfa Mohamad  
am@mediaprima.com.my  
**Butterworth**

# Penyuntik semangat

■ 1,085 terima darjah kebesaran, pingat Pulau Pinang

“**P**ingat ini bukan saja pengiktirafan terhadap tugas saya selama ini, tetapi juga menyuntik semangat saya untuk bekerja lebih gigih,” kata Koordinator Foto The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) Cawangan Pulau Pinang Rosli Ahmad.

Rosli, 47, antara tiga kakitangan NSTP yang dianugerahkan pingat sempena Hari Jadi Ke-75 Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas di Dewan Sri Pinang, Georgetown, semalam.

Rosli menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), manakala dua lagi jurugambar NSTP, Ramdzan Masiam, 43, dan Mohamad Danial Mohamad Saad, 28, masing-masing menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM).

Seramai 60 orang menerima Darjah Johan Negeri (DJN), 39 Bintang Cemerlang Negeri (BCN), 165 Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), 413 PJK, 235 PJM dan 82 Pingat Bakti Setia (PBS).

Mohamad Danial pula tidak menyangka sumbangan tenaga anak muda seperti itu turut dihargai melalui penerimaan PJM.

“Walaupun baru tiga tahun bekerja sebagai jurugambar NSTP, saya terharu kerana sumbangan saya dihargai Yang Dipertua Negeri,” katanya.

Terdahulu, Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia mendahului senarai 1,085 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Pulau Pinang sempena Hari Jadi Yang Dipertua Negeri.

Pandikar Amin menerima anugerah tertinggi Pulau Pinang iaitu Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Selain itu, empat individu

termasuk Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Tan Sri Muhamad Zabidi Zainal dan Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Prof Datuk Dr Md Salleh Yaapar mendapat gelaran Datuk Seri apabila dikurniakan Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN).

Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran Datuk Seri dikurniakan kepada enam individu termasuk Panglima Tentera Laut Diraja Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk Arfah Abdul Razak.

Sembilan individu dikurniakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Datuk termasuk Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Abd Rahim Hanafi; Timbalan Panglima Tentera Darat Leftenan Jeneral Datuk Seri Panglima Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi.

Penerima DMPN lain, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Law Choo Kiang; Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Datuk Zaki Md Yasin dan Timbalan Ketua Menteri I Mohd Rashid Hassan; Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Pulau

Pinang Jerry Chan Fook Sing; Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Datuk Omar Osman; Timbalan Pengerusi Liga Muslim Malaysia Datuk Shaik Aqmal Shaik Allaudin dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Seramai 68 penerima dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) turut membawa gelaran Datuk termasuk Hakim Mahkamah Pilihan Raya Abang Iskandar Abang Hashim, Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Abdul Walid Abu Hassan, Timbalan Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Majlis Profesor Negara Prof Dr Abdul Rashid Mohamed dan Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bahagian Penyelidikan Prof Dr Abu Bakar Abdul Majeed.

Penerima lain ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa) USM Prof Ahmad Shukri Mustapha Kamal, Pengarah Pertanian Selangor Ahmad Zakaria Mohamad Sidek, Pakar Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Ahmad Zubaidi Baharumshah, Pengarah Pusat Darah Negara (PDN) Dr Roshida Hassan, Ketua Pengarah DBP Datuk Dr Awang Sariyan, bekas Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP) Elias Zakaria dan Penasihat Undang-Undang Mahkamah Juvana Datin Marina Puteh.

## FAKTA

Seramai 60 orang menerima DJN, 39 BCN, 165 PKT, 413 PJK, 235 PJM dan 82 PBS